

Jangan teruskan sikap membenci

SHAH ALAM 4 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meminta mereka yang pernah membencinya supaya tidak meneruskan rasa kebencian itu kepada kerajaan sedia ada sebaliknya terus memberi sokongan pada pilihan raya umum ini.

Menurut beliau, sikap itu tidak harus lagi ada dalam diri mereka kerana beliau tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan dan parti.

"Orang yang benci saya, sekarang tidak ada alasan lagi hingga menjadikan kebencian itu sebagai sebab tidak menyokong Barisan Nasional (BN)," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke kompleks kilang wang The Royal Mint of Malaysia, di sini hari ini.

Sempena lawatan itu, Dr. Mahathir diberi penghargaan untuk menekan butang mesin pencetak medal peringatan perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001.

Menurut beliau lagi, pihak-pihak tertentu yang pernah membencinya dahulu sudah merujuk semula dengan UMNO.

Dr. Mahathir dipercayai merujuk kepada penyertaan semula 12 pe-

mimpin kanan dan ahli-ahli Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dalam UMNO baru-baru ini.

"Jadi saya pilih untuk berhenti adalah masa yang cukup baik.

"Tak ada manusia yang disukai oleh semua orang. Nabi Muhammad sendiri dibenci oleh pihak-pihak tertentu hingga mahu bertindak membunuhnya apatah lagi saya sebagai manusia biasa.

Kepada satu soalan, bekas Perdana Menteri itu memberitahu, waktu ini adalah tempoh paling sesuai bagi kerajaan hari ini untuk mengadakan pilihan raya.

Kemenangan

Ini kerana, katanya, ekonomi negara berada pada tahap yang baik dengan indeks komposit melonjak naik serta penerimaan rakyat terhadap kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malah, katanya, BN akan mencapai kemenangan dan majoriti yang lebih besar pada pilihan raya ke-11 ini.

Menurut Dr. Mahathir, ini kerana pada masa ini tidak ada isu tertentu dan yakin rasa kebencian kepada dirinya juga tidak akan mempengaruhi orang lain untuk tidak menyokong BN.

Begitu juga, katanya, bagi mere-

ka yang pernah menyokongnya semasa menerajui negara sebelum ini diminta terus memberi sokongan kepada pemimpin sekarang.

Ditanya wakil-wakil rakyat yang akan digugurkan namanya pada pilihan raya kali ini, Dr. Mahathir berkata, mereka tidak boleh memegang jawatan itu seumur hidup.


Malah, mereka juga perlu memberi peluang kepada orang lain supaya mereka tidak kecewa hingga rasa tawar dan kurang minat untuk menyokong parti.

Mengenai tindakan pembangkang yang terus menggunakan isu agama bagi meraih sokongan, kata Dr. Mahathir, pembangkang akan menggunakan taktik yang sama untuk menipu orang ramai.

"Mereka tahu benar seseorang itu sama ada ke syurga atau neraka bukan bergantung kepada sokongan mana-mana parti.

"Kalau seseorang itu baik seperti membuat ibadat yang dikehendaki dan lurus, maka dia akan dapat masuk syurga, bukan kerana dia undi sesiapa.

"Takkanlah seseorang yang jadi pembunuh, samun dan mencuri tetapi pada pilihan raya dia pilih Pas, dia masuk syurga. Itu mustahil," tegasnya.



DR. MAHATHIR Mohamad meneliti medal peringatan perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan semasa melawat kompleks kilang wang syiling The Royal Mint of Malaysia, di Shah Alam semalam.